



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

460 PELAJAR TERIMA SUMBANGAN YKN *BACK TO SCHOOL*

KUCHING, 9 FEBRUARI – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini telah menyampaikan sumbangan *Back to School* kepada 460 murid dari Kuching dan Padawan. Sumbangan itu disampaikan semasa merasmikan Program Jelajah Kasih Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) “Kamek Nengar, Kamek Nulong” dan Majlis Penyampaian Sumbangan Back to School yang berlangsung di MYDIN Vista Tunku, Kuching.

Sepanjang tempoh permulaan sesi persekolahan 2025, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah menghulurkan sumbangan beg sekolah dan alat tulis kepada hampir 1000 murid sekitar Kuching, Padawan, dan Lundu. YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berpesan kepada semua pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan kerana pendidikan menjadi aset penting dan mampu mengubah taraf hidup pada masa depan. Sumbangan ini diharap dapat meringankan beban keluarga dan menyuntik semangat pelajar untuk terus bersemangat dalam mengejar kecemerlangan pendidikan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui YKN terus komited dalam memperkukuhkan peranan PSSS dalam menyediakan khidmat psikososial kepada masyarakat, terutamanya dalam menangani isu kesihatan mental yang semakin membimbangkan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Kanak-kanak dan remaja zaman kini menghadapi pelbagai cabaran kehidupan moden dan masalah isu kesihatan mental. Tekanan yang dihadapi sejak usia muda, sama ada disebabkan oleh masalah keluarga, pembelajaran, atau persekitaran, boleh memberi kesan jangka panjang jika tidak ditangani dengan baik. Dalam membendung masalah ini, PSSS memainkan peranan yang sangat penting dengan menyediakan perkhidmatan sokongan psikososial yang profesional dan berkesan.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri juga menyeru lebih banyak syarikat korporat dan organisasi untuk tampil menyokong inisiatif ini. "Kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk memastikan kejayaan program ini. Sokongan daripada pihak korporat bukan sahaja membantu dalam aspek pembiayaan tetapi juga dalam menganjurkan program-program yang memberi manfaat kepada masyarakat," tambah beliau.

Program Jelajah Kasih PSSS dan Sumbangan Back to School ini adalah bukti komitmen Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dalam membantu kerajaan membina masyarakat yang lebih sejahtera dan prihatin. YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berharap inisiatif seumpama ini akan terus diperluas ke seluruh negara bagi memberi manfaat kepada lebih ramai golongan yang memerlukan.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
9 FEBRUARI 2025**